

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	20/6/2019	MUKA SURAT : 35
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Perhilitan akan rampas beruk serang kanak-kanak

KOTA BHARU - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan akan merampas beruk yang menyerang seorang kanak-kanak di Kampung Teluk Renjuna di Tumpat, tiga hari lalu.

Pengarahnya, Ady Ermanty Haniff Mohamed Haniff berkata, ia dibuat bagi memudahkan siasatan untuk mencari punca sebenar haiwan itu bertindak liar.

"Kami akan bertemu dengan pemilik haiwan berkenaan dan mengambil pengesanan sama ada dia memiliki lesen untuk memelihara haiwan berkenaan.

"Jika pemilik tiada lesen, tindakan boleh diambil terhadap individu berkenaan mengikut Akta 716 Akta Permuliharaan Hidupan Liar

2010," katanya pada sidang akhbar ketika melawat keadaan Muhammad Putra Rafiqi Mohd Rozaidi, 9, di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II semalam.

Ady Ermanty berkata, pemelihara beruk perlu mendapatkan lesen iaitu kebenaran untuk memelihara dan memanjat pokok kelapa, bukan sekadar haiwan peliharaan.

Jika haiwan berkenaan sudah lanjut usia, beliau turut menasihatkan penduduk supaya menyerahkannya kepada Perhilitan dan tidak mengurung atau melepaskan sendiri haiwan tersebut.

Sementara itu, ibu mangsa, Nik Fazilah Mohd Naw'i, 37, ber-



ADY ERMANTY HANIFF

kata, anak sulungnya dimasukkkan ke bilik pembedahan selepas mendapati kecederaan yang dihadapi agak serius.

Menurutnya, dia sudah bertemu dengan pemilik mamalia berkenaan dan memohon maaf dengan kehadiran tersebut.

"Anak saya masih fobia dengan kejadian itu sehingga menyebabkan dia kerap tersedar ketika tidur.

"Saya harap ia tidak mengahantuinya dan dapat melupakan kejadian itu tidak lama lagi," katanya selepas menerima borang Bantuan Amanah Mangsa Serangan Binatang Bias di bawah Jabatan Keajikan Masyarakat (JKM) semalam.

Kelmarin, Muhammad Putra



Ady Ermanty menyerahkan borang Bantuan Amanah Mangsa Serangan Binatang Bias JKMM kepada Nik Fazilah (kanan) di HRPZ II semalam.

cedera di kedua tangan dan kaki, kemaluan dan perut selepas diserang beruk jantan ketika pulang dari rumah terbuka jirannya.

Dalam kejadian jam 6 petang itu, murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Beluru itu berjaya melepaskan diri selepas menendang beruk berkenaan.